

**Nama Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional Mungkin Ditukar - Nancy Shukri
Bernama
6 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional yang sedang digubal mungkin ditukar namanya untuk disesuaikan dengan kesalahan yang akan diperuntukkan di bawahnya, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri.

Beliau berkata perkara itu bergantung kepada maklum balas yang diterima kerajaan dalam sesi perbincangan berkaitan rang undang-undang berkenaan dengan pelbagai pihak.

"Pada masa ini namanya masih lagi Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional.

"Mungkin pada satu masa apabila ia telah dimuktamadkan namanya perlu ditukar berdasarkan kesalahan yang terkandung dalam rang undang-undang itu," kata Nancy kepada pemberita selepas merasmikan Klinik Bantuan Guaman dan Kebangkrapan Wanita MIC di ibu pejabat MIC di ibu negara, Khamis.

"Daripada perbincangan yang sedang berjalan sekarang, nampaknya rang undang-undang ini memerlukan penelitian lanjut dan mengambil masa. Ini kerana ia merupakan satu rang undang-undang yang penting dan menjadi tulang belakang kepada keharmonian dan perpaduan negara," katanya.

Mengulas mengenai persidangan Dewan Rakyat yang dijadual bersidang minggu depan, Nancy berkata satu daripada rang undang-undang yang akan dibentangkan kali ini ialah Rang Undang-Undang Saraan Hakim yang bakal menyaksikan sedikit peningkatan dari segi saraan, pencen dan faedah.

Terdahulu dalam ucapan perasmianya, Nancy menjelaskan ramai rakyat tidak sedar bahawa Jabatan Insolvensi dapat memberi bimbingan kepada mereka untuk keluar daripada masalah bankrap.

Usaha Wanita MIC mewujudkan klinik ini merupakan satu cara untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kemudahan yang disediakan kerajaan untuk membantu mereka mengatasi masalah bankrap, katanya.

Klinik Bantuan Guaman dan Kebangkrapan MIC akan beroperasi di aras lima ibu pejabat MIC pada setiap Selasa mulai 10 pagi hingga 2 petang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019898>